

## *Penglibatan Murid dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Melalui Penggunaan Peranti Peribadi*

**Siti Hazlilah Jumali**

siti\_hazlilah\_jumali@moe.edu.sg

**Supina Taib**

Sekolah Rendah Canberra  
supina\_taib@moe.edu.sg

### *Abstrak*

Usaha untuk meningkatkan minat murid dalam kemahiran menulis merupakan satu cabaran bagi para guru. Kajian ini, yang membabitkan penggunaan peranti peribadi seperti iPad bagi memastikan penglibatan murid dalam pembelajaran bertujuan untuk menarik minat murid supaya mengambil bahagian secara lebih aktif dan memberi perhatian sepenuhnya semasa pengajaran sedang dijalankan. Penggunaan aplikasi 'Book Creator' membolehkan pelajar menyisipkan gambar semasa menghasilkan sebuah cerita merupakan fokus kajian ini. Peranti peribadi ini digunakan dalam pembelajaran karangan darjah 2. Dapatan kajian menunjukkan bahawa murid terlibat aktif dalam pembelajaran menggunakan peranti peribadi dan peratusan murid yang mengatakan pembelajaran Bahasa Melayu lebih menarik meningkat 100%. Murid-murid juga didapati berjaya menguasai kosa kata dan menulis dengan lebih baik.

#### **Kata kunci**

Peranti Peribadi, iPad, *Book Creator*, Penglibatan Murid, Pembelajaran Karangan

## **PENGENALAN**

Seorang murid dapat melahirkan idea atau pendapat berdasarkan situasi atau tajuk yang diberikan melalui penulisan. Untuk menarik minat murid dalam kemahiran menulis merupakan satu cabaran. Oleh itu, penggunaan teknologi dianggap amat bersesuaian dalam pembelajaran kemahiran menulis untuk menarik minat murid. Kajian ini mengemukakan penggunaan peranti peribadi seperti iPad bagi memberi kelainan dan kepelbagaian kepada kaedah mengajar dan pada masa yang sama mengelakkan rasa bosan murid seterusnya mengekalkan minat murid dalam pembelajaran bahasa. Proses belajar juga berlaku dengan baik jika murid terlibat secara aktif semasa pembelajaran berlangsung

## **PERNYATAAN MASALAH**

Murid lazimnya tidak menggemari pembelajaran karangan. Bagi mereka aktiviti menulis ini merupakan sesuatu aktiviti yang dianggap mencabar. Satu sebab timbulnya tanggapan ini adalah kerana kebanyakan daripada murid-murid ini datang daripada keluarga yang tidak menggunakan bahasa Melayu di rumah. Malah sebilangan besar daripada mereka tidak bertutur dalam bahasa Melayu di rumah bersama ibu bapa dan ahli keluarga yang lain.

Bahasa Inggeris merupakan bahasa utama yang digunakan dalam komunikasi harian. Apabila mereka perlu bertutur dalam Bahasa Melayu, percakapan mereka menjadi janggal disebabkan struktur ayat yang bercampur aduk. Tidak kurang juga murid yang menggunakan gabungan bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dalam perbualan seharian di rumah. Faktor ini menyebabkan murid berasa kurang yakin untuk membina ayat dalam bahasa Melayu seperti dalam pembelajaran karangan. Kurangnya pendedahan kepada bahasa Melayu dan pembacaan bahan-bahan dalam bahasa Melayu juga menyumbang kepada perkembangan kosa kata asas yang terhad dan ketidakupayaan untuk membina idea semasa menulis.

## **TUJUAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan bagi meneliti:

1. keberkesanan penggunaan peranti peribadi dalam menarik dan meningkatkan minat murid dalam penulisan terutamanya karangan; dan
2. keberkesanan penggunaan peranti peribadi dalam meningkatkan

keupayaan murid dalam mengembangkan idea berdasarkan pengalaman peribadi masing-masing.

## **KAJIAN LITERATUR**

Kelly Walsh (2012) seorang pensyarah di Kolej Westchester, New York, telah menjalankan satu kajian mengenai keberkesanan penggunaan iPad sebagai bahan pendidikan. Kajian beliau menunjukkan bahawa 73% murid dan 67% guru berpendapat bahawa penggunaan iPad telah meningkatkan kualiti kerja murid. 69% murid pula mengakui bahawa mereka lebih bermotivasi untuk melakukan tugas yang diberi dengan menggunakan iPad dan 60% pensyarah bersetuju bahawa murid lebih bermotivasi untuk belajar sekiranya pembelajaran melibatkan penggunaan iPad.

Alex Quigley (2012) mengatakan bahawa penggunaan iPad dalam pembelajaran kemahiran menulis terbukti dapat menarik perhatian murid dalam mengharungi cabaran-cabaran semasa menghasilkan sebuah penulisan. Aplikasi iPad membolehkan murid menghasilkan buku elektronik mereka sendiri juga merupakan salah satu faktor yang membuat murid begitu berminat untuk belajar.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian yang dijalankan ini merupakan satu kajian tindakan. Dalam kajian ini, kaedah pembelajaran yang sedia ada seperti kaedah pembelajaran sendiri, *Round Robin*, penggunaan peta minda dan penulisan ayat berdasarkan sekeping gambar dalam pelajaran karangan disesuaikan dengan penggunaan iPad.

## **SUBJEK KAJIAN**

Kajian ini melibatkan murid-murid darjah 2 dari kelas cemerlang dan baik dari segi pencapaian mata pelajaran Bahasa Melayu. Murid-murid dari kedua-dua kelas ini mempunyai pengalaman menggunakan iPad semasa di Darjah 1. Murid-murid ini berpeluang menghasilkan karangan pendek berbentuk lima potong ayat berdasarkan satu gambar tanpa penggunaan iPad. Dari segi komunikasi, kebanyakan daripada murid ini lebih cenderung menggunakan bahasa Inggeris daripada bahasa Melayu. Di dalam kelas baik terdapat dua orang murid bukan penutur jati bahasa Melayu. Dua orang murid ini juga lemah dari segi pembinaan ayat dan penguasaan kosa kata bahasa Melayu.

## INSTRUMEN KAJIAN

Aplikasi iPAD yang digunakan ialah *'Book Creator'*, *'Popplet'*, *'Pic Collage'* dan *'PrimaryWriter'*. Aplikasi *'Pic Collage'* dan *'Book Creator'* digunakan untuk menjana kosa kata dan membina ayat berdasarkan gambar yang dipetik menggunakan iPAD. Seterusnya murid menggabungkan kesemua ini dan menghasilkan seperti sebuah buku elektronik tentang tajuk yang diberikan. Murid juga berpeluang menggunakan aplikasi *'Popplet'* untuk melakarkan peta minda sebelum mula menulis karangan penuh. Hasil kerja murid dapat dinilai dan dikongsi bersama rakan-rakan yang lain dengan memancarkannya melalui *'Apple TV'*.

Antara instrumen yang digunakan ialah pemerhatian guru dan borang tinjauan bagi meneliti sikap dan cara murid belajar. Respons diberikan terhadap hasil kerja murid secara langsung. Rakan-rakan yang lain juga berpeluang memberikan pendapat tentang hasil kerja rakan-rakan mereka. Borang maklum balas turut digunakan untuk mendapatkan maklum balas murid mengenai keberkesanan penggunaan peranti peribadi ini dalam menarik minat mereka dalam pembelajaran bahasa.

## PROSEDUR KAJIAN

Kajian ini dijalankan melalui empat tahap iaitu:

1. tahap pembinaan ayat-ayat tunggal;
2. tahap penghasilan buku elektronik;
3. tahap penghasilan peta minda; dan
4. tahap penulisan karangan.

### Tahap 1 – Tahap Pembinaan Ayat Tunggal

Pada tahap pembinaan ayat tunggal, murid diminta mengambil gambar ahli keluarga masing-masing menggunakan kamera iPAD mereka. Gambar-gambar tersebut kemudiannya disisipkan ke dalam aplikasi *'Pic Collage'*. Setelah itu, murid menjana perkataan-perkataan seperti kata adjektif, kata kerja dan sebagainya yang berkaitan dengan gambar yang telah dipetik. Perkataan-perkataan ini akan ditaip pada sekeliling gambar tersebut. Guru memberi contoh-contoh dan bimbingan kepada murid dalam menghasilkan perkataan-perkataan berdasarkan gambar yang telah dipetik. Murid kemudiannya akan membina sepotong ayat tunggal daripada perkataan-perkataan tersebut. Aktiviti ini bertujuan untuk meluaskan kosa kata murid dan melatih mereka melahirkan idea atau pendapat mereka. Aktiviti ini dijalankan selama dua minggu. Murid berpeluang membentangkan

dan berkongsi hasil kerja masing-masing melalui 'Apple TV' Selain daripada dapat mendengar respons guru secara langsung, murid juga dapat mendengar pendapat rakan-rakan sekelas tentang hasil kerja mereka. Sekiranya terdapat kesilapan dari segi ejaan misalnya, murid boleh membuat pembetulan secara langsung. Dengan cara ini murid-murid yang lain dapat sama-sama belajar antara satu dengan yang lain.

## **Tahap 2 - Tahap Penghasilan Buku Elektronik**

Pada tahap kedua, murid menyisipkan gambar-gambar tadi ke dalam aplikasi 'e-Book Creator'. Murid akan menyisipkan satu gambar pada setiap halaman 'e-Book Creator'. Selepas itu, murid menaipkan ayat-ayat yang telah mereka hasilkan ke dalam 'Pic Collage' tadi dalam aplikasi 'e-Book Creator'. Murid perlu menambah satu atau dua ayat lagi bagi melengkapkan cerita tersebut. Murid melakukan langkah yang sama bagi halaman yang selanjutnya. Setelah itu, murid menghias bahagian kulit buku dengan menulis tajuk dan menyisipkan gambar yang sesuai. Setelah selesai, murid secara bergilir-gilir membentangkan buku elektronik mereka tentang 'Keluarga Saya' di hadapan kelas melalui 'Apple TV'. Langkah di atas ini diulang menggunakan gambar dan tajuk yang berlainan bagi karangan yang lain.

## **Tahap 3 - Tahap Penghasilan Peta Minda**

Pada tahap ketiga, setelah murid berasa yakin dalam pembinaan ayat, guru melangkah setapak lagi dengan memperkenalkan aplikasi baru iaitu 'Popplet'. Aplikasi 'Popplet' ini boleh digunakan untuk membuat peta minda menggunakan kaedah 'ASiMaBaMBi', guru membimbing murid dalam menghasilkan peta minda bagi karangan yang akan dihasilkan. Murid juga berpeluang berkongsi dengan rakan-rakan mengenai peta minda yang telah dihasilkan melalui 'Apple TV' dan membuat pembetulan atau penambahan secara langsung sekiranya perlu.

## **Tahap 4 - Tahap Penulisan Karangan**

Pada tahap keempat, setelah menghasilkan peta minda dan memasukkan butiran-butiran yang diperlukan ke dalam aplikasi 'Popplet' murid bolehlah mula mengarang cerita mereka dengan menaipkannya di dalam aplikasi 'Primary Writer'. Aplikasi 'Primary Writer' membolehkan murid menghias karangan yang telah siap dengan memilih 'border' yang sesuai agar karangan yang terhasil kelihatan menarik apabila dicetak.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Berdasarkan pemerhatian guru, murid menunjukkan sikap dan minat yang memberangsangkan sewaktu pembelajaran menggunakan peranti peribadi. Murid juga tidak berasa tertekan. Malah ada di antara mereka yang ghairah untuk membentangkan hasil kerja mereka di hadapan kelas. Murid menunjukkan kesungguhan dan daya keaktiviti yang amat menggalakkan. Kesemua murid termasuk yang bukan penutur jati memberi sepenuh perhatian dan rajin serta terangsang untuk bertanya soalan kepada guru. Murid-murid yang berjaya membina ayat-ayat yang baik kelihatan lebih yakin. Maklum balas positif diterima daripada murid yang setuju bahawa mereka lebih berminat untuk menulis dengan pembelajaran menggunakan iPad.

Murid-murid ini telah mengisi borang maklum balas setelah melalui pengajaran menggunakan iPad. Soalan-soalan yang terdapat dalam tinjauan tersebut adalah seperti berikut.

1. Adakah kamu suka menulis?
2. Adakah kamu suka menggunakan iPad?
3. Adakah kamu berasa seronok menggunakan iPad untuk menulis?
4. Adakah kamu mendapat lebih banyak idea dengan menggunakan iPad?
5. Sukakah kamu menulis sekarang?


Berdasarkan tinjauan yang telah dijalankan itu, dapatan berikut telah diperolehi. Sila rujuk Rajah 1.

**Rajah 1: Tinjauan Selepas Pembelajaran Menggunakan iPad**



Markah bagi bahagian isi karangan murid-murid sebelum dan sesudah menggunakan iPad telah dicatat untuk dibuat perbandingan. Rajah di bawah ini membuktikan peningkatan dalam keupayaan murid untuk mengembangkan idea menggunakan peranti iPad.

**Rajah 2: Perbandingan Markah Bahagian Isi**



## KESIMPULAN

Penggunaan peranti peribadi dalam mengajar kemahiran menulis ternyata telah berjaya menarik minat murid dalam pembelajaran bahasa Melayu. Walau bagaimanapun terdapat beberapa faktor yang menghambat kelancaran proses pembelajaran ini. Antaranya ialah aplikasi 'e-Book Creator Free' ini tidak membolehkan si pengguna menghasilkan lebih daripada satu buku. Murid harus mengosongkan setiap halaman tersebut secara manual sekiranya mereka ingin menghasilkan buku elektronik baharu. Berdasarkan maklum balas secara lisan, 100% murid mengakui bahawa pembelajaran menggunakan iPad lebih menarik.

## RUJUKAN

### SUMBER ELEKTRONIK

- Alex Quigley (June 30, 2012) Can iPad really help improve children's writing?  
[www.huntingenglish.com/2012/06/30/can-the-ipad-really-help-improve-childrens-writing/](http://www.huntingenglish.com/2012/06/30/can-the-ipad-really-help-improve-childrens-writing/)
- Kelly Walsh (July 8, 2012)  
[www.emergingedtech.com/2012/07/study-finds-benefits-in-use-ipad-as-educational-too/](http://www.emergingedtech.com/2012/07/study-finds-benefits-in-use-ipad-as-educational-too/)